

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 11 OKTOBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 22

## Dasar gaji progresif bersifat sukarela

# Dasar gaji progresif bersifat sukarela

**Kerajaan** komited melaksanakan dasar gaji progresif yang akan bersifat sukarela, berasaskan insentif serta berkaitan produktiviti, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, ia adalah satu-satunya model gaji yang memuaskan majikan dan pekerja, kerana ia memberi ganjaran dan bukannya menghukum majikan.

Malah, katanya, ia juga akan sentiasa mengawasi peningkatan produktiviti pekerja, yang menja-

di syarat untuk dasar berkenaan.

“Kami sedar masalah gaji mesti ditangani oleh mana-mana kerajaan yang bertanggungjawab. Apabila gaji median RM2,600 sebulan hanya RM11 di atas paras kemiskinan (RM2,589 sebulan) dan separuh daripada pekerja Malaysia memperoleh hanya lebih sedikit daripada gaji minimum, kita tidak boleh mengambil pendekatan tunggu dan lihat lagi.

“Dalam hal ini, kerajaan komi-

ted untuk melaksanakan dasar gaji progresif yang akan bersifat sukarela, berasaskan insentif dan berkaitan produktiviti,” katanya pada pelancaran Laporan ‘Malaysia Economic Monitor: Raising the Tide, Lifting All Boats’ oleh Bank Dunia di Kuala Lumpur, semalam.

Rafizi sebelum ini berkata, majikan akan menerima insentif tunai daripada kerajaan setelah mengemukakan dokumen berkai-

tan sebagai bukti memenuhi keperluan dasar gaji progresif.

Beliau berkata, majikan perlu terlebih dahulu menaikkan gaji pekerja dan seterusnya menunjukkan bukti sebelum kerajaan boleh membayar insentif kepada mereka.

Inisiatif dasar sistem gaji itu telah diluluskan di peringkat Kabinet dan butirannya dijadual dibentangkan dalam Belanjawan 2024, Jumaat ini.